

**PEGAWAI KEWANGAN NEGERI**

Pejabat Kewangan Negeri,  
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,  
70503 Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06 - 7624686 (Talian Terus)  
06 - 7659961  
06 - 7659962  
No. Faks: 06 - 7636352  
06 - 7671702

Rujukan Kami : P.Kw.N/NS(349) 600/21 (16)  
Tarikh : 3 Ramadhan 1438H  
: 29 Mei 2017

**SEMUA KETUA JABATAN  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN  
BADAN BERKANUN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

YB. Dato' Seri/YB. Dato'/Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan,

**PINDAAN HAD PINJAMAN MOTOSIKAL DALAM PENTADBIRAN  
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Dengan hormat dan takzimnya saya diarah merujuk perkara tersebut diatas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa had pinjaman motosikal dibawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan telah dipinda kepada RM10,000.00. Syarat-syarat pinjaman adalah sepertimana yang dinyatakan dalam 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) dibawah topik Pengurusan Wang Awam subtopik WP 9.2 - Skim Pinjaman Kenderaan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Pegawai Perkhidmatan Pasukan Polis.

3. Sehubungan itu, Jabatan/agensi adalah dibenarkan membuat permohonan pinjaman dengan had yang dinyatakan diatas berkuatkuasa mulai tarikh surat ini ditandatangani. Borang permohonan pinjaman boleh dimuat turun di laman sesawang <http://pkwns.ns.gov.my/>.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“ AMANAH DAN PRODUKTIF “**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' JOHANI BIN HASSAN)**